



**EPIDEMIOLOGI**

Wan Mohd Zahiruddin Wan Mohammad

# HIV/AIDS SUDAHKAH ADA PENAWARNYA?

**H**uman Immunodeficiency Virus (HIV) ialah virus yang menyerang sistem tubuh manusia hingga tidak berdaya melawan serangan penyakit. Jangkitan virus HIV boleh berlaku melalui darah atau cecair badan yang tercemar, antaranya termasuklah melalui perkongsian jarum suntikan dalam

kalangan penagih dadah, hubungan seks bebas atau tidak selamat, daripada ibu kepada anak semasa hamil, proses kelahiran, dan penyusuan ibu.

HIV membawa kepada penyakit *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit. AIDS ialah jangkitan

HIV pada peringkat akhir apabila sistem imuniti ketahanan badan seseorang lumpuh dan mudah diserang pelbagai jenis penyakit atau barah yang tertentu.

HIV/AIDS bermula dengan beberapa kes barah dan jangkitan paru-paru yang biasanya berlaku kepada pesakit yang mempunyai sistem imun yang lemah

Sejak kes pertama pada tahun 1986, di Malaysia, terdapat kira-kira 87 000 orang yang hidup dengan HIV hingga akhir tahun 2018.

yang dilaporkan pada tahun 1981 dalam kalangan beberapa orang lelaki gay di New York dan California, jangkitan HIV yang membawa kepada penyakit AIDS mula dikenali.

HIV/AIDS seterusnya menjadi fenomena kesihatan awam pada peringkat global dengan anggaran 38 juta orang yang hidup dengan HIV dan 1.7 juta kes baharu pada tahun 2019. Sejak kes pertama pada tahun 1986, di Malaysia, terdapat kira-kira 87 000 orang yang hidup dengan HIV hingga akhir tahun 2018. Dunia belum boleh menyatakan bahawa sudah ada “penawar” HIV/AIDS atau mendabik dada mengisytiharkan bahawa HIV/AIDS boleh “disembuhkan” dalam erti kata sebenar.

Dalam hal ini, walaupun belum ada vaksin untuk mencegah jangkitan HIV, selain stigma dan diskriminasi yang dikaitkan dengan penyakit ini, usaha meningkatkan akses kepada pencegahan, diagnosis, rawatan, dan penjagaan yang efektif telah menjadikan HIV/AIDS satu penyakit kronik yang dapat dikendalikan. Hal ini memungkinkan orang yang hidup dengan HIV/AIDS menjalani kualiti kehidupan yang panjang dan sihat.

#### ADAKAH PESAKIT HIV BOLEH SEMBUH?

Pada bulan September 2020 yang lalu, dunia dimaklumkan tentang berita kematian Timothy Ray Brown, juga dikenali sebagai “pesakit Berlin”,

yang dianggap orang pertama yang diketahui sembuh daripada jangkitan HIV. Siapakah Tim Brown? Beliau yang juga menderita leukemia, telah didiagnosis HIV sejak tahun 1995.

Pada tahun 2007 Brown telah menerima transplan sumsum tulang (*stem cell*) daripada penderma yang mempunyai gen CCR5-delta32 yang hanya terdapat dalam kalangan sebilangan kecil penduduk dunia, iaitu mutasi kepada CCR5 yang dapat menghalang kemasukan HIV ke dalam sistem imun badan manusia. Sehingga kematiannya akibat komplikasi leukemia berulang baru-baru ini, Brown telah disahkan sembuh daripada HIV/AIDS kerana tiada gejala muncul walaupun tanpa rawatan.

Seterusnya pada tahun 2019, sebuah jurnal sains terkemuka, *Nature* telah melaporkan bahawa seorang pesakit Limfoma Hodgkin (dikenali sebagai Pesakit London) sebagai “pesakit HIV kedua yang dilaporkan sembuh” setelah menjalani transplan sumsum tulang pada tahun 2016 daripada penderma dengan mutasi CCR5 yang sama seperti pesakit Berlin.

#### HIV/AIDS SUDAH ADA PENAWAR?

Meneliti fakta kes-kes yang dinyatakan, adakah kaedah transplan sumsum tulang ini boleh dianggap penawar kepada HIV/AIDS? Jawapannya, bukan mudah untuk mengatakan sama ada “ya” ataupun “tidak”.

Kefahaman umum tentang penawar sesuatu penyakit ialah “menyembuhkan” sesuatu penyakit sepenuhnya tanpa muncul gejala baharu atau penyakit tersebut berulang tanpa sebarang rawatan khusus. Walau bagaimanapun, pakar perubatan secara berhati-hati perlu mengkategorikan pesakit HIV/AIDS itu sama ada kategori penyembuhan berfungsi ataupun penyembuhan steril.

1. **Penyembuhan berfungsi** – keadaan yang menekankan jumlah virus HIV dalam tubuh ke tahap yang rendah hingga tidak dapat dikesan atau membuat pesakit tidak

bergejala walaupun virus masih ada dalam tubuh. Rawatan ialah satu contoh penawar berfungsi.

2. **Penyembuhan steril** – keadaan yang virus HIV dibasmi daripada tubuh sepenuhnya. Kes pesakit Berlin dan pesakit London merupakan contoh pesakit HIV yang disembuhkan dengan cara ini.

Memang benar, terdapat kes pesakit sembuh daripada jangkitan HIV. Walau bagaimanapun, harus diingatkan bahawa transplan sumsum tulang sangat intensif, mahal, berisiko (Tim Brown diberitakan hampir mati semasa mengikuti prosedur transplan sumsum tulang kerana jumlah yang ditanggung oleh sistem ketahanan badannya) dan sudah tentulah kaedah ini tidak disyorkan atau layak untuk diberi kepada pesakit bukan leukemia atau penghidap HIV biasa. Lagipun, dianggarkan hanya 1.0% orang yang berasal dari Eropah Utara mempunyai mutasi pada gen untuk CCR5 yang diwarisi ini dan jarang-jarang berlaku pada populasi lain.

Pemindahan sumsum tulang bukanlah penyelesaian atau “penawar” bagi berjuta-juta orang yang hidup dengan HIV di seluruh dunia. Penemuan ini juga tidak mengubah keadaan semasa bagi kebanyakan 38 juta orang yang kini hidup dengan HIV, yang kebanyakannya berada di sub-Sahara Afrika yang satu pertiga daripada mereka masih kekurangan akses kepada ubat rawatan HIV pada setiap hari.

Walaupun penyembuhan HIV yang kos efektif dan meluas belum tersedia, hasil kajian lanjut daripada kes-kes “sembuh” telah memberikan harapan kepada komuniti penyelidikan dan usaha advokasi seluruh dunia dalam strategi baharu mencari penawar HIV.

Pada masa ini banyak pendekatan berbeza sedang diusahakan untuk mencari penawar baharu HIV. Antaranya termasuklah:

1. **Ubatan bercirikan “aktif dan hapus”** yang bertujuan membuang virus dari takungannya dan kemudian membunuh sel yang dijangkiti.

2. **Penyuntingan gen** yang bertujuan mengubah sel imun hingga tidak dapat dijangkiti oleh HIV.
3. **"Modulasi imun"** yang mencari cara untuk mengubah sistem imun secara kekal untuk melawan HIV dengan lebih baik.

Terdapat juga sejumlah ujian vaksin HIV yang sedang dicipta, namun setakat ini, vaksin tersebut cuma berpotensi untuk menawarkan perlindungan separa dan perlu digunakan bersama-sama pilihan pencegahan dan rawatan lain. Kita tentunya tidak pasti sama ada strategi tersebut berhasil ataupun tidak. Jika berhasil, bilakah "penawarnya" akan tersedia?

Pada masa ini, bagi mereka yang telah dijangkiti HIV, harapan yang ada ialah "penawar sementara", iaitu rawatan menggunakan ubatan antiretroviral (ARV) yang sangat berkesan untuk mencegah virus HIV daripada berkembang biak secara aktif dalam sistem imun badan manusia. Rawatan ini dianggap kritikal bukan sahaja sebagai satu langkah untuk penyembuhan berfungsi bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit HIV/AIDS, tetapi juga penting dalam usaha mengurangkan risiko penularan jangkitan HIV dalam kalangan komuniti berisiko.

Sementara itu, terdapat hasil kajian dengan pendekatan terapi rukyah secara Islamik bagi merawat pesakit HIV/AIDS di Malaysia dengan memberikan kesan kepada peningkatan sel CD4 di samping menghasilkan ketenangan jiwa dan membentuk seorang Muslim yang baik.

Kajian tersebut membuktikan bahawa kaedah kerohanian juga relevan untuk diamalkan dan menjadi rawatan sokongan untuk merawat pesakit HIV/AIDS dalam lingkungan syariat berasaskan al-Quran dan al-Sunah. Sesungguhnya Allah SWT menjadikan penyakit bersama-sama penawarnya.

### **PENCEGAHAN LEBIH BAIK DARIPADA PENYEMBUHAN**

Walaupun komuniti perubatan terus berusaha mencari penawar yang selamat dan efektif untuk HIV/AIDS,

usaha dan program pencegahan mesti diteruskan dan dipertingkatkan. Sesungguhnya, tema "Pencegahan lebih baik daripada penyembuhan" amat tepat dalam menangani HIV/AIDS.

Kempen kesedaran, pendidikan kesihatan, pengawasan, program bantuan, atau program khidmat masyarakat, penjagaan, sokongan kewangan, dan sokongan moral sangat penting bagi membatasi penularan virus HIV, terutamanya dalam kalangan masyarakat berisiko tinggi (*key population*) di Malaysia, antaranya termasuklah kumpulan *Men-Sex-Men* (MSM) atau homoseksual, transgender, lesbian, dwiseksual, pekerja seks, pengguna dadah secara suntikan, dan populasi terpinggir seperti pekerja migran.


Pendekatan yang sesuai dan berkesan juga perlu diberikan penekanan bagi menangani halangan utama yang melibatkan penyampaian program berkenaan, iaitu isu stigma dan diskriminasi serta ketidaksamaan sosial.

### **IMPAK COVID-19 TERHADAP HIV/AIDS**

Dalam situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, termasuk negara kita Malaysia, tentunya ada impak secara langsung dan tidak langsung COVID-19 terhadap mereka yang hidup dengan HIV, bahkan turut kesan kepada akses dan pencapaian program pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV/AIDS.

Hingga kini, belum ada laporan atau statistik yang menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan mereka yang menghidap HIV/AIDS. Malahan, terdapat laporan jurnal terkini berdasarkan satu kajian kohort penghidap HIV di Sepanyol pada tahun 2020 yang menunjukkan kadar jangkitan COVID-19 adalah lebih rendah berbanding dengan populasi awam.

Walaupun kajian yang sama menyatakan ciri klinikal, tahap keterukan dan kematian tidak bergantung pada faktor yang berkaitan dengan HIV atau rawatan ARV, dapatan kajian tersebut masih belum konklusif dan memerlukan data yang lebih besar.




Virus HIV biasanya memasuki sel melalui reseptor CCR5, terutama pada peringkat awal seseorang dijangkiti. Akan tetapi, individu yang mempunyai reseptor yang cacat oleh mutasi CCR5-delta32, kemasukan virus HIV ke dalam sel akan disekat lalu memberikan kekebalan terhadap jangkitan HIV.

(Sumber: Copyright © 2020 Achievers IAS Academy)



# STATUS TERKINI HIV DI MALAYSIA



Status terkini HIV di Malaysia hingga tahun 2018.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Pada masa yang sama, kajian terkini dari United Kingdom yang menunjukkan bahawa penghidap HIV berdepan dengan risiko kematian disebabkan oleh COVID-19, iaitu antara 63% hingga 130% lebih tinggi berbanding dengan orang lain. Kajian yang sama turut menyatakan individu yang menghidap obesiti, diabetes yang tidak terkawal dan tekanan darah tinggi ialah faktor utama kematian akibat COVID-19 dalam kalangan penghidap HIV.

Memandangkan pada masa ini masih belum ada vaksin untuk mencegah COVID-19, tentunya cara terbaik penghidap HIV mencegah daripada dijangkiti virus ini adalah sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard pencegahan COVID-19 seperti memakai pelitup muka, menjaga kebersihan tangan dan mengelakkan tempat awam yang sesak di samping memastikan kepatuhan pengambilan ubatan ARV.

Berdasarkan impak pandemik COVID-19 kepada beban HIV/AIDS dari sudut kesan kepada akses dan pencapaian program pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV/AIDS oleh pihak pemegang taruh sama ada oleh agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Terdapat satu kajian pemodelan tentang potensi gangguan terhadap program HIV di negara sub-Sahara Afrika akibat COVID-19. Model yang dihasilkan menunjukkan bahawa gangguan bekalan ubat ARV selama enam bulan dalam 50% populasi penghidap HIV yang menjalani rawatan dijangka mengakibatkan hampir dua kali ganda peningkatan kematian berkaitan HIV dalam jangka masa setahun.

Model yang sama juga mempamerkan kemungkinan gangguan terhadap bekalan kondom dan pendidikan rakan sebaya akan menjadikan populasi lebih rentan terhadap HIV walaupun kepatuhan penjarangan fizikal dapat menyebabkan pengurangan tingkah laku seksual yang berisiko.

Kesan menyeluruh COVID-19 terhadap kadar jangkitan HIV/AIDS di Malaysia masih belum jelas. Namun begitu, terdapat testimoni oleh orang yang hidup dengan HIV yang menyatakan kerisauan tentang bekalan ubat rawatan ARV dan sumber pendapatan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan.

Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia walau bagaimanapun masih mampu memberikan penjagaan dan sokongan untuk orang yang hidup dengan HIV, termasuklah bantuan kewangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Malaysian AIDS Foundation semasa pandemik COVID-19 di dalam negara.

Sementara "penawar" bagi HIV/AIDS dijumpai, strategi dan usaha pencegahan, rawatan dan penjagaan mestilah dipertingkatkan termasuklah dalam

situasi wabak COVID-19 sekarang, Malaysia telah menggariskan Pelan Strategik Nasional Baharu untuk tahun 2016–2030 sebagai visi negara bagi menangani HIV/AIDS.

Sejajar dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pelan strategik tersebut turut menggunakan panduan UNAIDS ke arah mencapai sasaran 90–90–90 bagi mengakhiri AIDS pada tahun 2030, iaitu 90% daripada semua orang yang hidup dengan HIV mengetahui status HIV mereka, 90% daripada semua yang didiagnosis HIV menerima terapi ARV yang berterusan, dan 90% daripada yang dirawat akan mengalami penekanan virus.

Pasti usaha dalam menangani penyakit HIV/AIDS dipermudah dengan adanya sokongan daripada semua pihak. <sup>12</sup>

Profesor Madya Dr. Wan Mohd Zahiruddin Wan Mohammad ialah Pensyarah Kanan dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Jabatan Perubatan Masyarakat, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian.